## SAHAWAN DE SAHAWAN PEMACU EKONOMI MAPAN



**BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UITM CAWANGAN TERENGGANU** 

## Usahawan Alumni Dan Buku Ajaib

Azalilah Kassim1 dan Faridah Ismail1

1Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK, Kampus Samarahan, Sarawak.

Koresponden: azalilah@uitm.edu.my

Banyak sekali manfaat yang kita perolehi dengan menulis selain dapat meredakan tekanan perasaan di dalam penulisan, ianya juga dapat mengasah memori, membantu mengekspresikan emosi melalui kata-kata sehingga dapat meningkatkan kemampuan berbicara. Bertitik tolak dari situ maka Puan Nur'fahmi Alwie Binti Kas Alwi 26, tampil dengan idea menjual Buku Ajaib (Magicbook) bagi menggalakkan kanak-kanak dari umur tiga (3) hingga enam (6) tahun untuk lebih rajin menulis.

Menurut Puan Nur'fahmi, tujuan utama beliau menjual Buku Ajaib ini yang berbentuk nota kecil adalah untuk menarik minat kanak-kanak agar lebih seronok belajar serta bersemangat untuk menulis. Disamping itu juga, ianya dapat memenuhi masa terluang kanak-kanak agar lebih rajin menulis dan tidak leka dengan telefon bimbit. Baginya, untuk mengalihkan perhatian kanak-kanak ini, solusi yang terbaik ialah memperkenalkan mereka dengan penulisan. Maka, dengan adanya Buku Ajaib ini proses pembelajaran dan penulisan akan menjadi lebih menyeronokkan.

Tegas beliau lagi, tarikan yang ada pada Buku Ajaib ini dapat menggalakkan kanak-kanak untuk lebih rajin menulis serta melukis. Dengan melakukan aktiviti yang terdapat didalam buku ini juga, maka kanak-kanak dapat menghilangkan kebosanan mereka. Buku Ajaib jualannya mempunyai pelbagai konsep menarik dan terdapat empat jenis iaitu Alphabet, Nombor, Matematik dan Lukisan untuk kegunaan kanak kanak.

Pen juga disertakan untuk menulis di dalam Buku Ajaib ini, dimana tulisan tersebut boleh terpadam dengan sendirinya didalam beberapa minit. Menurut beliau, bagi melatih kanak-kanak untuk menulis dengan baik maka Buku Ajaib ini amat sesuai digunakan di peringkat umur yang lebih awal.

Penjualan Buku Ajaib ini adalah sumber sampingan bagi Puan Nur'fahmi yang merupakan pelajar separuh masa Ijazah Sarjana Muda Perakaunan. Baginya, dia tidak gentar untuk mengharungi cabaran dan perkara yang dititikberatkannya adalah sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan, berfikiran positif dan tidak berputus asa didalam setiap tindakan yang dilakukan. Ini kerana kejayaan pada masa hadapan akan tercipta dengan apa yang di lakukan dari sekarang.

Puan Nur'fahmi berharap dengan adanya Buku Ajaib ini maka akan dapat membantu kanak-kanak untuk terus rajin menulis dan aktif dalam pembelajaran. Pelanggan yang berminat untuk membeli buku Ajaib ini boleh menghubunginya di media sosial Facebook Pami Alwie atau di Instagram Magic book by Marezq.

## Rujukan

https://web.facebook.com/photo/? fbid=462965428727203&set=ecnf.100050412480702









